JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

KENYATAAN SEBUT HARGA
(TARIKH: 13 FEBRUARI 2026)

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada Syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam kod bidang yang berkaitan yang masih sah tempohnya untuk perkhidmatan kawalan keselamatan seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang	Tarikh Dan Masa Jualan	Tarikh Taklimat / Tarikh Tutup
JKNS/SH/ PT/2/2026	Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Bagi Tempoh 36 Bulan Mulai 15 April 2026 Sehingga 14 April 2029	**210101** Rangkaian Komputer **210109** *(Hardware and Software leasing / renting)*	**Tarikh** 16 Februari 2026 – 24 Februari 2026 **Masa** 8:30 am –12:00 pm 2:15 pm – 3:45 pm	**Taklimat** 16 Februari 2026 (Isnin) Masa: 9:00 pagi **Tutup** 24 Februari 2026 12:00 Tengahari

2. Syarikat yang berminat hendaklah hadir ke Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan bagi taklimat **(wajib) di Aras 4 Dewan Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan**. Pihak syarikat perlu membawa bersama **Kad Pengenalan asal**, **Sijil asal SSM, Sijil asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil asal Taraf Bumiputera** dan **Sijil asal Pematuhan Cukai TCC** serta sijil-sijil berkaitan dan membawa bersama **CAP SYARIKAT** semasa hadir taklimat tersebut. Surat perwakilan kuasa diwajibkan bagi wakil yang hadir semasa sesi taklimat.

3. Dokumen Sebut Harga akan dijual dengan harga **RM 50.00** senaskhah secara **TUNAI DAN DEBIT SAHAJA** di Kaunter Kewangan Aras 1, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Pihak syarikat perlu membawa bersama **Sijil asal SSM, Sijil asal KKM, Sijil asal STB dan Sijil asal TCC serta CAP SYARIKAT** semasa pembelian.

4. Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Jabatan ini tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.

5. Semua dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan Tajuk, No. Sebut Harga serta Tarikh Tutup di bahagian kiri atas sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Aras 1 Pejabat Pendaftaran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan** seperti di alamat berikut:-

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN
KOMPLEKS KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN
1054A, JALAN SENDAYAN
71950 BANDAR SRI SENDAYAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHSUSUS

Jabatan Kehakiman Syariah ★ Negeri Sembilan ★